

BAB DUA

SEJARAH DAN LATAR BELAKANG PUSAT PENGAJIAN PENDIDIKAN

JARAK JAUH, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2.1 Konsep Pendidikan Jarak Jauh

Keegan (1980) telah merumuskan pengertian pendidikan jarak jauh sebagai,

- (i) Pemisahan pelajar dengan pengajar yang membezakannya dengan pengajaran bertatap muka.
- (ii) Pengaruh organisasi pendidikan yang membezakannya dengan belajar bersendirian.
- (iii) Penggunaan media teknik, biasanya bercetak untuk menghubungkan pelajar dengan pengajar dan menjalankan kandungan pendidikan.
- (iv) Komunikasi dua hala di mana pelajar mendapat faedah daripadanya ataupun memulakan perbincangan.
- (v) Kemungkinan perjumpaan bertatap muka dari masa ke semasa untuk tujuan-tujuan didaktik dan sosial.
- (vi) Dalam bentuk perindustrian yang merupakan pemisahan radikal daripada bentuk-bentuk lain pendidikan.

Persatuan Pendidikan Jarak Jauh Amerika Syarikat (*United States Distance Learning Assocoation-USDLA*) mendefinisikan pembelajaran jarak jauh sebagai mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dengan berantaraan maklumat dan * pengajaran, merangkumi kesemua teknologi dan bentuk-bentuk lain pembelajaran secara jarak jauh.

Sebenarnya istilah pendidikan jarak jauh telah mula diguna pakai dalam persidangan antarabangsa ke-12 *International Council for Correspondence Education (ICCE)* di Vancouver, Kanada dalam tahun 1982 hingga akhirnya

menukar nama persidangan itu kepada *International Council for Distance Education (ICDE)*. Dan kini sesuai dengan perkembangan semasa nama tersebut ditukar pula kepada *International Council for Open and Distance Education* (Md Noor, 2002).

Sejarah pengajian secara jarak jauh telah bermula sejak abad ke-19 lagi bermula di negara Amerika Syarikat apabila kursus-kursus secara '*corresponding studies*' mula ditawarkan. Pada tahun 1870 kursus-kursus ini telah diperluaskan dan sangat popular di beberapa negara termasuk Sweden, England, German dan Canada. Namun perkembangan yang paling nyata sekali terhadap kemajuan sistem pendidikan ini ialah pada tahun 1971 apabila Open University of United Kingdom mula dibuka dengan menawarkan kursus-kursus integrasi sains yang menggabungkan sumber-sumber pembelajaran secara bercetak dan bukan bercetak. Open University adalah universiti pertama di dunia yang menawarkan ijazah secara jarak jauh. Pada tahun pertama ia beroperasi, seramai 24,000 pelajar telah mendaftar diri. Universiti ini memberi tumpuan utama kepada kursus-kursus ijazah pertama. Pada tahun 1992 jumlah pelajar di universiti ini adalah dianggarkan 77,000. Penawaran kursus-kursus perniagaan melalui The Open Business School telah disertai oleh seramai 18,000 orang pengurus (Rowntree, 1994). Bukan saja pengajian ini mendapat sambutan namun ia telah berkembang malah telah memberi inspirasi pada kolej dan universiti-universiti lain untuk mengorak langkah yang sama.

Holmberg (1986) menyatakan,

Kejayaan Open University pada tahun 1971 telah membentuk minat yang mendalam terhadap pendidikan Jarak Jauh. Ia merupakan permulaan kepada satu era baru dengan penawaran program-program ijazah penuh, kursus-kursus yang sofistikated, media baru dan sistem penilaian yang sistematik meluas di beberapa negara di dunia dan telah mempertingkatkan prestij dalam pendidikan Jarak Jauh.

Pada awal tahun 1970-an pula, Canada's Athabasca University pula mewujudkan peluang-peluang penyelidikan dan pembelajaran yang menggabungkan penggunaan inovasi-inovasi teknologi dan juga teknik-teknik pembelajaran tradisional (Willis, 1993).

Keberkesanan pengajian jarak jauh sangat bergantung kepada sejauh mana pihak pengurusan merangka satu sistem pengajian dengan kaedah pengajaran yang dapat menjamin kejayaan pelajar. Seperti yang disarankan oleh Gale (1992) yang menyatakan, "sistem pengajian semestinya menyokong cara orang bekerja dan belajar. Jika tidak sistem itu akan menemui kegagalan."

Dalam erti kata yang lain sistem pengajian jarak jauh telah dirangka dengan penuh kepekaan terhadap situasi pelajar yang kebanyakannya belajar sambil bekerja. Berbagai-bagai faktor harus diambil kira termasuk menyesuaikan waktu kuliah yang dikendalikan secara media elektronik dengan masa lapang pelajar. Tanpa mengambil kira kepelbagaian faktor yang memudahkan pembelajaran pelajar, keseluruhan pencapaian pelajar akan terjejas dan memberi kesan kepada keseluruhan sistem pengajian.

Oleh yang demikian adalah menjadi tanggungjawab pengurusan sistem pengajian ini memantapkan reka bentuk kaedah pengajaran yang perlu dilaksanakan. Keegan (1980) dalam kertas kerjanya bertajuk *On Defining Distance Education* telah menyuarakan kebimbangan bahawa sekiranya aspek pengajaran dan pembelajaran tidak ditangani dengan baik akan menyumbang kepada kegagalan pelajar dan keseluruhan sistem pengajian akan dipersoalkan.

Namun yang demikian pelajar juga harus memainkan peranan yang lebih besar untuk menjayakan sistem pengajian ini kerana kejayaan mereka sebenarnya bergantung kepada sejauh mana mereka menyesuaikan diri mereka dengan keseluruhan proses pengajian. Peranan yang lebih efisien harus dimainkan oleh pelajar seperti yang disarankan oleh Thompson (1995) yang menyatakan, "Pelajar hanya akan berjaya jika mereka dapat menyesuaikan diri dengan struktur kursus-kursus yang diambil."

Ini bermaksud pelajar harus menjadi lebih proaktif dan boleh menyesuaikan diri, masa dan komitmen mereka sebaik mungkin supaya setiap proses pembelajaran yang disusun atur oleh pihak pengurusan benar-benar dapat dimanfaatkan.

Dalam hal ini Baynton (1990) telah memperkenalkan konsep "pengawalan" yang boleh didefinisikan sebagai berdikari (peluang untuk membuat pilihan) kecekapan (keupayaan dan kepakaran) dan sokongan (material dan manusia).

Jelasnya sistem pengajian ini telah membentuk sikap pelajar yang positif, peka dengan perkembangan semasa serta faktor-faktor persekitaran yang menyumbang kepada faktor kejayaan dalam pengajian mereka. Untuk berjaya pelajar harus memiliki motivasi yang tinggi, sentiasa bersedia sebelum sesi kelas dan perbincangan dimulakan, rajin bertanya serta menghargai dan memanfaatkan sokongan-sokongan yang dimainkan oleh kaum keluarga serta orang di persekitarannya.

Walau apapun, keunikan pengajian jarak jauh sangat nyata dan mengundang perbincangan demi perbincangan di kalangan cendekiawan yang mengakui pembelajaran jarak jauh sangat mencabar. Barry Willis (1993) dalam bukunya *Distance Education- A Practical Guide* telah membincangkan bagaimana cabaran yang dilalui oleh keseluruhan sistem pengajian ini berjaya di atasi oleh pelajar dan institusi kerana keperluan terhadap sistem pembelajaran ini telah berjaya mengatasi halangan-halangan yang ada.

2.2 Media Pengajaran dalam Pendidikan Jarak Jauh

Tidak dinafikan kepelbagaian media yang menjadi perantara untuk menyampaikan bahan-bahan pengajaran merupakan satu aspek penting yang mempunyai peranan dalam menentukan kejayaan pelajar dan juga sistem pengajian jarak jauh. Sistem pengajian yang menjarakkan antara pelajar dan

pengajar sememangnya bergantung kepada media untuk menyampaikan mesej dan maklumat-maklumat pengajaran. Kepelbagaian dalam penggunaan teknologi pengajaran telah menambahkan lagi keberkesanan proses pengajaran dalam sistem pengajian ini. Sejak pengajian jarak jauh diperkenalkan, corak pengajarannya telah melalui inovasi dari masa ke masa. Ini bersesuaian pula dengan perkembangan teknologi yang dialami oleh dunia dan dimanfaatkan oleh tenaga-tenaga pengajar yang terlibat dengan sistem pengajian ini. Garrison (1990) menyatakan,

Banyak faktor yang menyumbang kepada minat dan perkembangan pendidikan jarak jauh, namun faktor utamanya ialah kebangkitan teknologi komunikasi maklumat yang canggih dan sofistikated.

Keegan (1980) menyatakan pentingnya menentukan struktur untuk menyatupadukan sistem pengajaran-pembelajaran secara jarak jauh kerana menurut beliau sekiranya perkara ini tidak dijalankan dengan baik akan menyebabkan pelajar-pelajar jarak jauh tercicir, menghadapi masalah untuk mendapat pendidikan berkualiti malah status pengajian jarak jauh juga akan turut dipersoalkan.

Moore (1977), telah merumuskan,

Jarak Jauh sebagai Pengajaran Telematik adalah program pengajaran di mana oleh sebab pemisahan fizikal antara pelajar dan pengajar, tindak balas antara mereka dilakukan melalui perantaraan cetak, mekanikal dan elektronik. Telematik bermakna "belajar secara jarak jauh" yang terdiri daripada gabungan *tele* yang bermaksud "jauh" atau "jarak jauh" dan *mathy* dari perkataan greek *mathein* yang bermakna "belajar".

Sememangnya salah satu daripada ciri-ciri pengajian jarak jauh ialah corak pembelajaran yang direka bentuk bersesuaian dengan pengajaran secara tidak bersemuka. Pembelajaran secara jarak jauh sangat dibezakan dengan pembelajaran konvensional melalui cara pembelajaran dilaksanakan. Emmanuel and Potter (1992) telah mengenalpasti lima cara pembelajaran jarak jauh iaitu, "Bergantung, berdikari, bersaing, bekerjasama dan menyertai."

Situasi pembelajaran jarak jauh benar-benar memerlukan satu komitmen yang tinggi dan motivasi yang berterusan kerana mereka menghadapi pembelajaran secara bersendirian dan menerima pengajaran melalui perantaraan media.

Moore (1989) pula telah menggariskan tiga jenis interaksi yang diperlukan dalam pengajian jarak jauh iaitu interaksi antara "pelajar dengan pengajar", "pelajar dengan kandungan pembelajaran" dan "pelajar dengan pelajar." Dalam hal ini corak pembelajaran yang telah direka bentuk amat memerlukan ketelitian dan satu bentuk pengajaran yang mantap agar dapat mewujudkan keberkesanan bahan pengajaran yang disampaikan dalam apa juga medium pengajaran. Pembangunan dan kepelbagaian bahan-bahan pembelajaran dalam pelbagai media juga dapat dilihat melalui inovasi yang dilakukan terhadap bahan-bahan pengajaran. Bermula dengan penggunaan nota dan bahan-bahan bercetak, kemudiannya buku dan seterusnya teknologi moden

ternyata telah dimanfaatkan sepenuhnya ke arah memantapkan lagi sistem pengajian ini. Willis turut menyatakan,

Pada satu tahap yang sangat asas, pendidikan jarak jauh berlangsung apabila pengajar dan pelajar dipisahkan secara fizikal dan teknologi (seperti suara, video, data dan media cetak) digunakan sebagai penghubung dalam proses pembelajaran.

Dalam kaedah pembelajaran jarak jauh komunikasi yang berkesan sama ada melalui media mekanik ataupun elektronik telah memudahkan proses pembelajaran antara pengajar dan pelajar yang terpisah antara satu sama lain.

Sebenarnya perbincangan tentang keberkesanan media yang digunakan dalam pengajaran jarak jauh terus menjadi tumpuan kepada para penyelidik. Kajian demi kajian dilakukan untuk memilih media yang manakah yang paling berkesan dan harus digunakan bagi keseluruhan kursus-kursus jarak jauh. Nota, buku, televisyen, video, audio, komputer, telesidang dan terkini penggunaan *online* telah memberi kepelbagaian dan pilihan kepada pengajar untuk menggunakannya. Namun apa yang pasti kesesuaian media dengan jenis kursus menjadi ukuran untuk melihat keberkesanan pengajaran yang dijalankan. Moore (1996) telah menyatakan,

Masih banyak kajian perlu dilakukan untuk menentukan media yang paling berkesan yang ternyata berbeza untuk pelajar yang berbeza. Malah sukar juga mengenalpasti keberkesanan media terhadap strategi dan kandungan pengajian secara jarak jauh.

Apa pun keadaannya, perkembangan media yang pesat telah memberi banyak ruang kepada tenaga pengajar mempelbagaikan kaedah dalam pengajaran jarak jauh. Ada banyak pandangan yang diberikan tentang mengapa mereka memilih media tertentu dalam kursus-kursus yang mereka kendalikan. Hanya mereka juga yang tahu apakah media terbaik untuk kursus yang mereka kendalikan. Namun yang lebih menariknya ialah usaha mereka dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran dengan cara menyepadukan media dalam pengajaran seperti penggunaan buku disertakan dengan cakera padat atau pita video, nota berserta audio-kaset dan sebagainya. Rowntee (1992) menyatakan,

Media yang berbeza mempunyai kekuatan yang berbeza. Amat jarang sekali sesuatu media itu dapat memenuhi keperluan pembelajaran dalam apa juga keadaan. Umpamanya, video interaktif yang disertakan dengan alat kawalan berkomputer perlu diiringi oleh penerangan melalui buku atau bahan bercetak. Jika tidak pelajar akan meninggalkan 'stesen kerja' mereka tanpa apa-apa bahan yang boleh mengingatkan mereka tentang pelajaran mereka.

Dalam memperkatakan tentang media, satu aspek yang tidak boleh diabaikan ialah aspek pelajar yang seharusnya menjadi matlamat apabila sesuatu medium pengajaran dipilih. Persoalan yang harus difikirkan ialah sejauhmana pelajar selesa dengan bahan pengajaran yang disediakan. Adakah penggunaan teknologi yang canggih benar-benar membantu atau hanya sekadar menambahkan kos pembelajaran mereka. Adakah bahan pengajaran yang disediakan dapat mencapai objektif yang diinginkan dalam sistem pendidikan tersebut. Menurut Rowntree (1992),

Perlu diingat sesuatu media yang sesuai untuk seseorang pelajar mungkin tidak sesuai dengan pelajar yang lain. Sebahagian mungkin memilih untuk belajar secara membaca, sebahagiannya belajar secara praktikal dan sesetengahnya pula belajar secara berkumpulan dengan pelajar lain. Jika beberapa media disatukan mungkin ada banyak peluang bagi semua pelajar mendapat sesuatu dari media yang mereka pilih.

Penggunaan bahan-bahan pengajaran yang dicetak adalah kaedah awal dalam pengajaran jarak jauh. Meskipun dinyatakan sebagai kaedah awal namun hingga kini ia tetap dianggap kaedah yang popular dan mempunyai kelebihan-kelebihan yang tersendiri dan diakui keberkesanannya. Meskipun sejak awal tahun-tahun 90-an lagi lebih banyak kajian ditumpukan kepada penggunaan teknologi-teknologi moden seperti komputer dan internet sebagai kaedah pengajaran dalam jarak jauh, namun bahan pengajaran dalam bentuk bercetak tetap menjadi keutamaan dalam satu sistem pengajian yang memerlukan pelajar mengulang kaji pelajaran tanpa mengira tempat. Jogannath Mohanty dalam kertas kerja bertajuk *Distance Education, Meaning, Needs, Nature and Media* menulis,

Meskipun tumpuan kajian diberikan terhadap media elektronik, bahan-bahan bercetak masih memberi sumbangan sebagai komponen yang terbesar dan utama dalam pendidikan jarak jauh.

Bahan bercetak merangkumi buku, nota, risalah, panduan belajar, kertas kerja, buku kerja, manual rujukan, keratan-keratan akhbar dan majalah malah termasuk juga nota-nota tulisan tangan oleh pensyarah. Satu kelebihan yang ada dalam bahan-bahan pengajaran secara bercetak ialah ia boleh dibawa ke mana-mana dan dibaca dalam apa juga situasi. Malah kos penyediaan yang lebih

mudah bagi kuantiti cetakan yang banyak menyebabkan kaedah ini tetap dipilih sebagai bahan utama dalam pengajaran jarak jauh di samping disokong oleh media yang lain. Rowntree (1992) menyatakan,

Mengikut pandangan penulis, bahan-bahan bercetak sangat mudah digunakan dalam pengajaran (dan tidak memerlukan kepakaran media yang luas) dan ia juga murah untuk dihasilkan. Bahan-bahan bercetak akan membantu memperjelaskan objektif-objektif pembelajaran (malah yang melibatkan kepakaran sosial dan interpersonal) walaupun mungkin kadangkala bahan ini tidak memadai tanpa media lain.

Ternyata kaedah pengajaran adalah satu aspek yang luas untuk dibincangkan. Perkembangan pesat yang dialami teknologi dunia semakin meluaskan ruang dan kecanggihan dalam dunia pengajaran jarak jauh. Hingga kini perbincangan masih diteruskan namun yang pasti keberkesanan pengajaran hanya boleh diukur dengan kejayaan pelajar dan sejauhmana pelajar memanfaatkan bahan-bahan pengajaran yang disediakan.

2.3 Sejarah dan Latar Belakang Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia

2.3.1 Sejarah dan Objektif

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ), Universiti Sains Malaysia kini telah berusia 34 tahun dan telah melalui sejarah yang panjang sebelum berada di kedudukan sekarang. Ia bermula sebagai Rancangan Pengajian Luar Kampus di bawah Unit Pengajian Luar Kampus di bawah penyelarasan Pusat

Perkhidmatan Pendidikan dan hanya menumpang di bawah Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Sains Malaysia yang pada ketika itu hanya di kenali sebagai Universiti Pulau Pinang. Ketika pengajian ini mula ditawarkan hanya 76 orang pelajar sahaja yang mendaftar dengan mengikuti kursus-kursus Ilmu Kemanusiaan dan Sains Kemasyarakatan. Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian (di bawah Ilmu Kemanusiaan) menawarkan pengkhususan dalam bidang-bidang Sejarah, Kesusasteraan atau Geografi. Manakala Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan dengan Kepujian menawarkan pengkhususan dalam bidang-bidang Ekonomi, Sains Politik atau Antropologi-Sosiologi.

Rancangan Pengajian Jarak Jauh ini ditawarkan dengan sasaran untuk mencapai objektif-objektif berikut :

- (i) untuk membolehkan pelajar-pelajar yang sebelum ini tidak mendapat peluang meneruskan pengajian tinggi mereka oleh sebab-sebab tertentu, mengikuti pengajian tinggi yang membolehkan mereka memperolehi ijazah tinggi.
- (ii) untuk mengurangkan jurang peluang pengajian tinggi di antara pelbagai kaum di negara ini.
- (iii) untuk membawa usaha pengajian tinggi ke kawasan-kawasan yang kurang maju daripada segi ekonomi dan ke kawasan pedalaman.
- (iv) untuk meningkatkan kadar pengeluaran tenaga pekerja yang terlatih.

- (v) untuk menghasilkan guna tenaga yang profesional yang mencukupi bagi memenuhi wawasan negara.
- (vi) untuk memajukan daya pengeluaran mereka yang telahpun mempunyai pekerjaan dengan mengemaskinikan pengetahuan dan kemahiran mereka.
- (vii) untuk meningkatkan penyediaan sumber tenaga manusia yang bersifat profesional, dedikasi dan inovatif di kalangan guru-guru dan pegawai perkhidmatan pendidikan bagi memenuhi wawasan negara.

Dengan bermulanya penawaran memperoleh ijazah secara jarak jauh telah membuka satu lembaran baru dalam dunia pendidikan bagi sebuah negara yang sedang membangun seperti Malaysia. Lantaran itu peluang yang terbuka kepada mereka yang berminat menyambung pengajian tanpa perlu meninggalkan pekerjaan telah disambut begitu baik oleh orang ramai. Masalah tempat yang terhad di institusi-institusi pengajian tinggi awam dan kurangnya institusi pengajian tinggi swasta pada ketika itu telah dapat di atasi dengan adanya sistem pembelajaran secara jarak jauh ini. Kerajaan juga menyimpan hasrat agar para pekerja di pelbagai sektor berusaha mempertingkatkan ilmu agar dapat memberi sumbangan akal fikiran dan tenaga ke arah membentuk sebuah negara maju menjelang tahun 2020 nanti.

Dalam meneruskan usaha pendidikannya, pusat pengajian ini telah bekerjasama dengan beberapa institusi luar negara yang mengamalkan corak

pembelajaran yang sama. Antaranya ialah Open University United Kingdom, Open Learning Agency and the Commonwealth of Learning Canada, National Institute of Multimedia Education Japan, North Carolina State University USA, Universiti Terbuka Indonesia dan American Center for the Study of Distance Education, Penn State University, USA (DE Network, 2001).

2.3.2 Perkembangan Akademik

Dua tahun selepas penubuhannya, Unit Pengajian Luar Kampus telah melebarkan lagi peluang pendidikan melalui penawaran kursus-kursus Sains iaitu Fizik, Biologi, Kimia dan Matematik di bawah pusat-pusat pengajian Sains, USM. Berikutnya pula, sesuai dengan hasrat kerajaan untuk memberi peluang pendidikan khususnya bagi bumiputera, pada tahun 1978 penawaran kursus-kursus Sains Pemulihan (kini disebut PraSains) dimulakan agar pelajar-pelajar bumiputera yang tidak mempunyai kelayakan yang mencukupi bagi meneruskan pengajian di peringkat ijazah Sarjana Muda Sains secara jarak jauh mempunyai peluang yang sama dengan pelajar-pelajar lain yang berkelayakan. Sarjana Muda Sains dengan Kepujian yang ditawarkan oleh rancangan pengajian ini menawarkan pengkhususan dalam bidang-bidang Biologi, Kimia, Fizik dan Matematik.

Pengajian secara jarak jauh melalui perkembangan yang sungguh menggalakkan. Melalui penawaran kursus yang semakin bertambah, bilangan

pelajarnya juga turut bertambah. Dengan itu tanggungjawab yang dimainkan oleh unit ini semakin besar demi memenuhi hasrat kerajaan untuk mempertingkatkan bilangan tenaga mahir seperti yang diperlukan negara. Pada tahun pengajian 1994/95 kursus-kursus kejuruteraan pula ditawarkan melalui Kampus Cawangan Perak di Seri Iskandar. Permulaan pengajian ini sangat memberi makna yang besar kerana kemahiran dalam bidang kejuruteraan sangat-sangat diperlukan dalam memenuhi hasrat negara menjadi sebuah negara maju. Program kejuruteraan bermula dengan pengambilan seramai 72 orang pelajar Kejuruteraan Awam bagi memulakan pengajian mereka. Seterusnya pengambilan pelajar dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dan Kejuruteraan Kimia. Ini diikuti dengan penawaran bidang pengajian Kejuruteraan Mekanik pada sidang akademik 1996/97 dan bidang Kejuruteraan Bahan pula pada tahun berikutnya. Namun begitu pengambilan pelajar kejuruteraan berakhir pada Sidang Akademik 1999/2000.

Di samping itu juga selaras dengan hasrat kerajaan mempertingkatkan taraf perkhidmatan perguruan bertaraf ijazah bagi menyumbang bakti di semua peringkat persekolahan, program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan pula ditawarkan pada sidang akademik 1995/96. Permohonan yang diterima daripada golongan guru yang sangat berminat untuk melanjutkan pengajian mereka meningkat hingga memaksa pusat pengajian membuat pemilihan rapi untuk memenuhi ruang kuota yang terhad. Pada Sidang Akademik 1999-2000, pengajian ini tidak lagi menawarkan Ijazah Sarjana Pendidikan kerana dengan

adanya Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang menawarkan ijazah tersebut khusus bagi guru-guru secara sepenuh masa.

Bermula Sidang Akademik 1997/98 pula Ijazah Sarjana Muda Pengurusan pula ditawarkan. Rancangan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan merupakan pengajian pengurusan am yang merangkumi kursus-kursus dalam bidang kewangan, perakaunan, pemasaran, pengeluaran dan operasi, pengurusan sumber manusia dan organisasi. Untuk kursus ini pusat pengajian menerima banyak permohonan daripada mereka yang bekerja di syarikat-syarikat swasta dan koporat. Mereka telah mengambil peluang yang disediakan oleh USM dan berkeyakinan bahawa pengajian ini akan dapat meningkatkan pengetahuan untuk dimanfaatkan dalam kerjaya mereka.

Kini pusat pengajian ini bukan saja menawarkan pengajian di peringkat Ijazah Pertama malah mulai menawarkan Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah dalam bidang-bidang Pengajian Jarak Jauh yang menawarkan pengkhususan kepada empat bidang iaitu, Reka Bentuk Instruksional, Pembangunan Program Pendidikan Jarak Jauh, Perancangan dan Pengurusan Pendidikan Jarak Jauh, Penggunaan Teknologi dalam Pendidikan Jarak Jauh dan Kaedah Mengajar.

Selain daripada itu PPPJJ turut menawarkan Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah dalam bidang-bidang Biologi, Fizik, Kimia, Matematik, Geografi, Kesusasteraan, Sejarah, Tamadun Islam, Antropologi dan Sosiologi, Ekonomi

dan Sains Politik. Keseluruhan bidang pengajian ini ditawarkan dalam mod penyelidikan sepenuhnya. Sehingga Sidang Akademik 2003/2004, pusat pengajian ini telah melahirkan seramai 28 orang siswazah pengajian tinggi iaitu 14 orang graduan Sarjana Sastera (M.A.), lapan orang graduan Sarjana Sains (M.Sc.) dan enam orang graduan Doktor Falsafah (Ph.D).

2.3.3 Perkembangan Status

Di samping peningkatan dari segi jumlah kursus yang ditawarkan, PPPJJ juga telah melalui proses peningkatan status. Pada tahun 1971-1977 pengajian yang mulanya dikenali sebagai pengajian luar kampus ditawarkan di bawah Rancangan Pengajian Luar Kampus yang pada awalnya bernaung di bawah Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan USM. Pada Januari 1978, rancangan ini telah ditingkatkan ke taraf sebuah unit dengan mempunyai Penyelarasnya sendiri (Omar Shawkataly *et al.*, 1992) . Pada Mac 1983, status Unit pengajian Luar Kampus telah ditingkatkan kepada Pusat Pengajian Luar Kampus (PPLK). Ini bermakna pusat pengajian ini mempunyai tenaga pengajar dan lembaga pengajiannya sendiri. Pusat pengajian ini diketuai oleh seorang Pengarah dan dua orang Timbalan Pengarah Sains dan Sastera. Pada tahun 1994 pula Pusat Pengajian Luar Kampus ditukar nama kepada Pusat Pengajian Jarak Jauh bersesuaian dengan definisi Pengajian Jarak Jauh (PJJ) yang diterima pakai ketika itu.

Perkembangan pesat yang dilalui oleh pusat pengajian ini semakin ketara apabila keseluruhan operasi pentadbiran dipindahkan ke bangunan baru yang serba lengkap dengan peralatan-peralatan pengajaran dan pembelajaran. Pusat pengajian ini juga telah diberi mandat oleh Senat USM untuk mengambil pelajar-pelajar ijazah lanjutan iaitu di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah di dalam bidang-bidang kepakaran tenaga pengajarnya. Pelajar-pelajar yang berdaftar untuk mengikuti ijazah lanjutan di bawah penyeliaan pensyarah teras pusat pengajian ini dibenarkan menggunakan kemudahan dan peralatan di pusat pengajian ini dan juga di pusat-pusat pengajian lain (Omar, S. *et al* 1992).

Dengan pengkopran USM pada 15 Mac 1998, status PPJJ telah ditingkatkan kepada Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ) dan pentadbirannya diketuai oleh Dekan dan Lembaganya ditukar kepada Majlis Pusat Pengajian (1999). Sehingga kini PPPJJ mempunyai sekitar 62 orang kakitangan akademik dalam pelbagai bidang dan 45 orang tenaga pentadbiran di peringkat pengurusan dan staf sokongan yang saling bekerjasama bagi memenuhi matlamat pusat pengajian.

Moto PPPJJ adalah :

'Berusaha dengan bersungguh-sungguh menuju kecemerlangan dengan menyediakan perkhidmatan akademik dan pentadbiran berkualiti selari dengan misi universiti menerusi komitmen tinggi daripada staf serta sokongan sistem teknologi terkini.'

2.3.4 Struktur Pengajian

Seperti juga pengajian sepenuh masa, rancangan pengajian ini memulakan Sidang Akademik pada setiap bulan Mei dan berakhir pada bulan Mac tahun berikutnya. Jangka masa minimum pengajian ini ialah empat tahun dan maksimum 12 tahun. Mereka yang mempunyai Diploma yang diiktiraf dengan PNGK yang baik boleh diberikan pengecualian unit untuk beberapa kursus dan akan dikaji kes demi kes. Jangka masa minimum untuk kursus Pra Sains ialah 2 tahun dan maksimum 4 tahun.

Semenjak USM memperkenalkan rancangan pengajian ini melalui PPPJJ, empat sistem pengajian telah diamalkan. Mulai 1971 Sistem 4+1 dan Sistem 5+1 bermaksud 1 tahun secara sepenuh masa berada di dalam kampus. Namun mulai Sidang Akademik 1992/93 bagi bidang Sains dan Sidang Akademik 1993/94 bagi bidang-bidang Sastera Sistem 5+0 diperkenalkan iaitu pelajar menjalani pengajian sepenuhnya secara jarak jauh. Mulai Sidang Akademik 1996/97, sistem Pengajian Empat Tahun (SPET) pula diperkenalkan. Manakala mulai Sidang Akademik 2000/2001, Sistem Pengajian Empat Tahun Milinium (SPETM) pula diperkenalkan.

Ternyata dalam tempoh 34 tahun PPPJJ telah melalui pelbagai perubahan yang kesemuanya dirancang ke arah pembaikan demi memastikan objektif yang dirangka dari awal tercapai.

Pada Sidang Akademik 2004/2005 ini, jumlah pelajar rancangan ini ialah seramai 3976 orang meliputi bidang-bidang :

Ilmu Kemanusiaan	- 1648 orang
Pengurusan	- 857 orang
Sains Kemasyarakatan	- 762 orang
Sains	- 694 orang
Pendidikan	- 48 orang
Sains Pemulihan	- 9 orang
Pra Sains	- 40 orang
Kejuruteraan	- 34 orang
Jumlah	4092 orang

(Sumber : Sistem Maklumat Pelajar, PPPJJ)

2.4 Struktur Pentadbiran Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh

2.4.1 Pentadbiran di Kampus Induk Universiti Sains Malaysia

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh ditadbir oleh seorang Dekan dengan dibantu oleh tiga orang Timbalan-timbalan Dekan yang dipertanggungjawabkan kepada Pengurusan Pengeluaran, Pengajian Siswazah dan Penyelidikan dan juga Akademik dan Pembangunan Pelajar. Di bawah Dekan juga terdapat seorang Ketua Penolong Pendaftar yang bertanggungjawab ke atas urusan pentadbiran kakitangan bawahannya. Untuk menjaga urusan akademik pelajar terdapat empat orang Penolong-penolong Pendaftar yang diberi pembahagian

mengikut bidang-bidang Pengurusan dan Pendidikan, Sains dan Sains Pemulihan, Ilmu Kemanusiaan dan Sains Kemasyarakatan. Selain daripada itu terdapat seorang Pegawai Sistem Maklumat, seorang Penerbit Rancangan (bertanggungjawab terhadap Penerbitan Multimedia), dua orang Pegawai Penerbitan (bertanggungjawab terhadap penerbitan modul dan buku-buku Siri Pendidikan Jarak Jauh). Pusat Pengajian ini juga disokong oleh staf-staf sokongan dalam bidang perkeranian, penaipan, perekaan, juruteknik , pembantu-pembantu penerbitan, pembantu-pembantu makmal, pembantu-pembantu am dan seorang pemandu.

Keseluruhan struktur organisasi Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh dapat dilihat dalam carta organisasi seperti yang dilampirkan di Lampiran I. Pusat Pengajian ini pada keseluruhannya mempunyai sekitar 45 orang kakitangan pentadbiran untuk mentadbir keseluruhan sejumlah kira-kira 4092 pelajar jarak jauh yang berada di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Pada keseluruhannya dapat dikatakan struktur pentadbiran PPPJJ adalah secara *Decentralised Structure* seperti yang dinyatakan dalam Book House Training Centre. Struktur ini merupakan satu struktur pentadbiran yang tidak formal di mana lebih ruang diberikan untuk pekerja di setiap bahagian untuk tampil lebih kreatif dalam penghasilan kerja mereka.

2.4.2 Pentadbiran di Pusat-pusat Wilayah

Dalam proses melicinkan pentadbiran dan pengurusan pelajar-pelajar jarak jauh yang berada di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak terdapat 11 pusat-pusat wilayah yang menjadi pusat pertemuan pelajar bagi tujuan menghadiri kelas-kelas tutorial secara sidang video (*video conferencing*), perbincangan dengan rakan-rakan dan membuat pinjaman peralatan media. Pusat-pusat ini di tadbir oleh seorang Tutor Residen dengan dibantu oleh seorang juruteknik. Pemilihan Tutor Residen dibuat berhubung rapat dengan sekolah atau kolej di mana pusat-pusat wilayah diadakan. Contohnya di Kedah, Pusat Wilayah adalah di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar dan Tutor Residennya adalah Pengetua Kolej tersebut.

Secara keseluruhannya agihan pelajar-pelajar jarak jauh mengikut pusat wilayah pada Sidang Akademik 2004/2005 adalah seperti berikut :

PUSAT WILAYAH	JUMLAH PELAJAR
Pulau Pinang	- 1286 orang
Kuala Lumpur	- 433 orang
Ipoh	- 370 orang
Alor Setar	- 360 orang
Melaka	- 221 orang
Kuantan	- 206 orang

Kota Bharu	-	449 orang
Kuala Terengganu	-	149 orang
Johor Bharu	-	251 orang
Kota kinabalu	-	157 orang
Kuching	-	230 orang
JUMLAH	-	4092 orang

(Sumber : Sistem Maklumat Pelajar, PPPJJ)

Melihat kepada jumlah pelajar yang ramai, pastinya satu sistem pengurusan yang mantap diperlukan supaya pelajar-pelajar ini tidak berasa tersisih dan terasing di antara mereka dengan organisasi yang mengendalikan mereka iaitu pusat pengajian. Di antara kedua-dua pihak ini dihubungkan oleh kepelbagaian media yang disediakan bagi melicinkan aktiviti pembelajaran pelajar-pelajar ini.

2.5 Kaedah Pengajaran-Pembelajaran Rancangan Pengajian Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh telah melalui proses perkembangan yang pesat dari segi status dan penawaran kursus. Peningkatan juga turut dilihat kepada bilangan pelajar yang diambil dari tahun ke tahun. Setiap sidang akademik pengambilan pelajar adalah melebihi 1000 orang iaitu sekitar 15 % daripada jumlah pemohon. Contohnya pada Sidang Akademik 1999/2000, rancangan pengajian ini menerima sejumlah 1763 orang pelajar baru (Pelapor, 1/1999). Pada Sidang Akademik 2003/2004 sejumlah 1421 orang pelajar baru

mendaftar diri (Pelapor, 1/2003) manakala pada Sidang Akademik 2004/2005, PPPJJ menerima seramai 1334 orang pelajar baru (Pelapor, 1/2004). Setiap tahun rancangan pengajian ini menerima sekurang-kurangnya 6500 permohonan untuk mengikuti pengajian ini. Antara faktor yang menyebabkan ramai pelajar memilih PPPJJ, USM sebagai tempat untuk menyambung pengajian ialah kerana ia ditawarkan oleh institusi kerajaan, ijazah yang diiktiraf serta sistem pengajian yang mantap dan dikenali (*established*). Pada Sidang Akademik 2004/2005 ini PPPJJ mempunyai jumlah pelajar seramai 4092 orang meliputi pelbagai bidang-bidang. Bilangan siswazah yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka dengan jayanya sehingga Sidang Akademik 2003/2004 ialah seramai 11,130 orang. Bagaimanakah PPPJJ menangani pelajar-pelajarnya. Apakah sistem pengajaran-pembelajaran yang digunakan. Apakah media dan teknologi yang diaplikasikan?. Bagaimana PPPJJ memenuhi keperluan pelajar dan mengatasi masalah komunikasi antara pengurusan di kampus induk dan pelajar-pelajar di seluruh pusat wilayah.

Komunikasi dua hala sangat penting dalam proses pembelajaran jarak jauh. Garrison (1985) membahagikan perkembangan teknologi pengajian jarak jauh iaitu media interaktif dalam konteks komunikasi dua hala kepada tiga generasi iaitu, generasi koresponden (bahan cetak dan pengiriman melalui pos), generasi telekomunikasi (tutorial melalui telefon, sidang-audio, audiografik video dan komputer) dan generasi komputer – CAL (*Computer Asisted Learning*). Kini terdapat pula satu perkembangan yang boleh dijadikan kategori keempat iaitu

generasi maya yang berasaskan komputer yang merupakan gabungan ketiga-tiga generasi awal.

Dari sudut sejarahnya, pembelajaran pelajar-pelajar jarak jauh, USM (luar kampus ketika itu) hanyalah menggunakan nota-nota kuliah yang ditulis oleh pensyarah-pensyarah semasa mereka mengajar pelajar-pelajar dalam pengajian sepenuh masa. Ketika itu Unit Pengajian Luar Kampus belum lagi mempunyai tenaga pengajar teras melainkan terdiri daripada pensyarah-pensyarah di pusat-pusat pengajian sepenuh masa atau di dalam kampus. Pada tahun 1983, bilamana Pusat Pengajian Jarak Jauh telah mempunyai kakitangan akademik teras untuk pusat pengajian, sistem modul bercetak mula digunakan. Penulisan modul berbentuk sendiri mula disediakan. Untuk memenuhi keperluan kepada bahan pembelajaran yang bersesuaian untuk pelajar-pelajar jarak jauh, para pensyarah telah dihantar mengikuti kursus-kursus penulisan modul. Pusat Pengajian Jarak Jauh telah memilih Open Learning Institute (OLI) di Vancouver, Canada sebagai tempat bagi mengikuti kursus penulisan modul sendiri. Usahasama selama tiga tahun, dengan tempoh kursus selama tiga bulan telah berjaya melatih seramai 25 orang tenaga akademik pusat pengajian ini. Sekembalinya mereka dari luar negara mereka dikehendaki menyediakan modul-modul bagi keperluan bidang masing-masing. Modul-modul tersebut melalui perjanjian dengan penulis menjadi milik pusat pengajian yang kemudiannya di cetak dan diedar kepada pelajar. Sehingga kini PPPJJ mempunyai sejumlah 550

buah modul untuk 353 kursus yang ditawarkan (Buku Panduan Rancangan Pengajian Jarak Jauh Sidang Akademik 2004/2005).

Pada tahun 1987 pembelajaran secara telesidang audio dan audio-grafik pula diperkenalkan. Melalui kaedah ini pensyarah di kampus induk USM boleh memberi kuliah mereka di dalam bilik telesidang yang dikhaskan dengan peralatan teknikal yang moden. Pelajar-pelajar di pusat-pusat wilayah pula dapat mengikuti kuliah di bilik-bilik telesidang yang turut dilengkapi dengan peralatan audio-visual. Teknologi ini merupakan satu teknologi moden pada ketika itu yang dapat “mendekatkan” pensyarah dan pelajar melalui satu sistem komunikasi yang canggih dan berkesan. Sesi kuliah mula lebih ‘hidup’ kerana kedua-dua pihak boleh secara langsung berbincang topik-topik kuliah mereka. Namun pada masa ini pelajar hanya boleh mendengar suara pensyarah dan tulisan pensyarah seumpama *white board* melalui apa yang dipanggil ‘*electronic board*’.

Pada tahun 1992, PPPJJ melangkah setapak lagi ke hadapan dengan memberi tumpuan kepada usaha penerbitan Siri Pendidikan Jarak Jauh. Untuk merealisasikan usaha ini satu Perjanjian Bersama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka telah di adakan. Timbalan Menteri Pendidikan pada ketika itu Dato’ Fong Chan Onn telah merasmikan perjanjian bersama ini. Usahasama selama lima tahun (1992 – 1997) telah menghasilkan 20 judul Siri Pendidikan Jarak Jauh meliputi pelbagai bidang kursus yang ditawarkan. Dalam usahasama penerbitan ini, PPPJJ telah bertindak menyediakan manuskrip sehingga ke

peringkat Naskhah Sedia Kamera (NSK) manakala DBP pula berperanan mencetak buku mengikut keperluan PPPJJ serta menguruskan pembayaran royalti kepada penulis. Usahasama ini ternyata berhasil mempertingkatkan mutu bahan pembacaan pelajar-pelajar jarak jauh kerana Dewan Bahasa dan Pustaka adalah penerbit yang berpengalaman dalam penerbitan buku dan PPPJJ pula mempunyai bahan yang berupa modul-modul berbentuk sendiri yang selama ini hanya diedarkan secara bahan bercetak kepada para pelajar.

Setelah kerjasama penerbitan dengan Dewan Bahasa dan Pustaka tamat, PPPJJ menjalin pula usahasama penerbitan bersama Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. bagi meneruskan penerbitan Siri Pendidikan Jarak Jauh. Majlis penandatanganan Memorandum Persefahaman antara Universiti Sains Malaysia dan Utusan Publications & Distributors telah disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu iaitu Dato' Seri Abdullah Hj Ahmad Badawi pada bulan Oktober 1999. Kedua-dua pihak (USM dan UP&D) bertindak sebagai Penerbit Bersama siri ini dengan mempunyai peranan masing-masing bagi menjayakan penerbitan.

Penerbitan siri ini adalah peningkatan modul-modul yang sedia ada. Setiap modul akan melalui proses-proses seperti mana setiap buku akan lalui sebelum diterbitkan iaitu proses penilaian, pembaikan, penyuntingan, penaipan, susun atur (mekap) dan penyediaan sehingga ke peringkat Naskhah Sedia Kamera (NSK). Sehingga kini sejumlah 35 judul telah diterbitkan dalam siri ini di

bawah kerjasama dengan Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Dengan adanya kerjasama dengan sebuah penerbit buku yang terkenal di negara kita telah berjaya menaikkan taraf bahan-bahan pembelajaran pelajar-pelajar jarak jauh.

Sesuai dengan kemajuan teknologi serta usaha yang sentiasa dilakukan oleh PPPJJ untuk mempertingkatkan teknologi pengajaran dan pembelajaran, satu lagi teknologi baru telah digunakan iaitu teknologi Sidang Video (*Video Conferencing*) yang membolehkan pelajar-pelajar di seluruh pusat wilayah mengikuti kuliah yang diberikan oleh pensyarah jarak jauh di kampus induk secara audio dan visual (paparan wajah pensyarah di monitor). Komunikasi kaedah ini telah mempermudah lagi pengajaran dan perbincangan yang ingin disampaikan. Sistem pengajaran yang dipanggil USM VideoNet ini telah dirasmikan oleh Menteri Pendidikan pada ketika itu YB Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak pada 23 Jun 1995 dan beroperasi sepenuhnya di PPPJJ pada Januari 1996. Sidang video ini dijalankan dengan kerjasama pihak Celcom dan Electra Communications Sdn. Bhd. Dengan adanya sistem pengajaran yang sehingga kini menjadi sistem komunikasi utama antara pengajar dan pelajar, ternyata banyak mempertingkatkan prestasi pelajar dari masa ke semasa. Sistem ini telah menjadikan perbincangan antara pensyarah dan pelajar yang berada di seluruh pusat wilayah secara serentak dan terus-menerus di mana setiap kursus kuliah diadakan selama satu atau dua jam. Sistem bernilai lima juta

ringgit ini telah menjadikan PPPJJ sebagai sebuah institusi yang ke hadapan dalam penggunaan teknologi pengajaran.

Inovasi yang selanjutnya diusahakan oleh PPPJJ khusus bagi pelajarannya ialah memperkenalkan sistem Perpustakaan Maya (*virtual library*) dan Pendidikan Dalam Talian (*online education*). Kedua-dua sistem ini sedang dibangunkan sepenuhnya kerana ia memerlukan kos yang tinggi serta kakitangan yang berkemahiran untuk melaksanakannya.

Selain daripada itu selaras dengan kecanggihan teknologi dan penggunaan internet yang meluas, sistem ini juga menjadi satu sistem perhubungan yang penting antara pelajar dengan tenaga pensyarah mahupun tenaga pentadbiran PPPJJ. Dengan itu sistem komunikasi menjadi lebih mudah, murah, cepat dan berkesan. Beberapa buah pusat wilayah telah dilengkapi dengan sistem *online* yang membolehkan pelajar menggunakan internet sepenuhnya dalam komunikasi (secara e-mel) mahupun dalam proses pencarian maklumat untuk pembelajaran mereka.

Kesimpulannya dapat dikatakan bahawa PPPJJ menggunakan pendekatan pelbagai media dalam proses pengajaran dan pembelajarannya. Penggunaan media cetak, media elektronik juga teknologi terkini iaitu internet telah menjadikan sistem pembelajaran lebih mantap lagi dan terbukti melalui terhasilnya pelajar-pelajar berkualiti lahir daripada sistem ini.

berlaku kerosakan dan bayaran pekerja-pekerja kontrak yang biasanya diambil ketika musim penghantaran bahan kepada pelajar.

Pembelian peralatan – kertas, alat-alat grafik, dakwat mesin pencetak, peralatan alat-alat tulis, kotak pembungkusan buku dan tali pengikat.

Peruntukan pembelian buku – sejumlah peruntukan membeli buku-buku Siri Pendidikan Jarak Jauh daripada Dewan Bahasa dan Pustaka dan Utusan Publications & Distributors. Setiap judul yang dibeli adalah mengikut jumlah pelajar yang mengambil kursus berkenaan.

Pegawai daripada unit sokongan, unit sidang video dan unit penerbitan akan mengemukakan perancangan masing-masing dan permasalahan-permasalahan yang perlu diberi perhatian untuk ditangani. Timbalan Dekan akan meneliti sumber-sumber yang ada oleh bahagian ini untuk memastikan bahawa segala perancangan akan berjalan dengan lancar.

Setelah meneliti struktur pentadbiran Bahagian Pengeluaran serta peranan yang dimainkan oleh bahagian ini, ternyata tanggungjawab yang diberikan kepada bahagian ini amat besar. Mereka harus memastikan kesemua bahan dapat disediakan mengikut waktu untuk memastikan kelancaran pengajian. Kelewatan pelajar menerima bahan pembelajaran adalah sesuatu yang sangat dielakkan kerana ia memberi kesan kepada pelajar itu sendiri.

2.6 Bahagian Pengeluaran dan Sistem Sokongan, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh

Bahagian Pengeluaran dan Sistem Sokongan di PPPJJ, USM diwujudkan dengan tujuan menguruskan kesemua aspek penerbitan bahan-bahan pengajaran dalam bentuk pelbagai media dan memastikan bahawa semua bahan itu diterbit dan disampaikan kepada pelajar mengikut tarikh-tarikh yang telah ditetapkan (merujuk kepada kalendar perancangan tahunan pusat pengajian). Usaha menangani aspek-aspek penerbitan melalui bahagian ini telah menjadikan pusat pengajian ini bertindak sebagai sebuah syarikat penerbitan yang sangat aktif menerbitkan pelbagai jenis bahan pembelajaran dalam bentuk pelbagai media. Peranan yang dimainkan oleh pusat pengajian ini semakin ketara apabila ia menjalin kerjasama penerbitan buku Siri Pendidikan Jarak Jauh dengan bertindak sebagai 'penerbit bersama' dengan Dewan Bahasa dan Pustaka dan Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Bahagian ini diketuai oleh seorang Timbalan Dekan dan sekumpulan kakitangan bawahan yang mempunyai tanggungjawab masing-masing. Mengikut sejarah pusat pengajian, bahagian ini mula diwujudkan pada tahun 1984 dengan tugas bertanggungjawab ke atas semua penerbitan bahan-bahan bercetak dan multimedia untuk kegunaan pelajar-pelajar jarak jauh. Oleh yang demikian setiap tahun Timbalan Dekan bertanggungjawab merangka keseluruhan operasi bahagian untuk memastikan bahawa bahagian ini mampu menghasilkan bahan-

bahan media berbentuk akademik untuk mempertingkatkan bahan-bahan pembelajaran pengajian ini.

Struktur pentadbiran bahagian ini dapat dilihat di Lampiran II. Ada tiga unit penting dalam bahagian ini iaitu Sistem Sokongan, Percetakan/Penerbitan dan Sidang Video/ICT. **Unit pertama** iaitu Sistem Sokongan dipertanggungjawabkan kepada seorang Penolong Pendaftar yang perlu berurusan dengan pelajar-pelajar tentang segala keperluan bahan-bahan pembelajaran mereka sama ada dalam bentuk cetak atau multimedia. Boleh dikatakan pegawai ini sebagai Pegawai Perhubungan Pelajar yang menjadi rujukan kepada pelajar yang ingin bertanya tentang apa juga masalah bahan pengajian mereka.

Unit kedua penting pula ialah berkaitan dengan Percetakan dan Penerbitan. Untuk tugas ini dua orang Pegawai Penerbitan bertanggungjawab memastikan bahawa penerbitan modul dan buku-buku Siri Pendidikan Jarak Jauh dapat diterbitkan mengikut keperluan. Terdapat modul-modul yang perlu dikemaskini oleh penulis atau ditukar kandungannya berdasarkan perubahan silibus kursus-kursus yang ditawarkan. Pegawai pula dibantu oleh seramai 13 Pegawai Tadbir Rendah (Jurutaip) dan tiga orang Pembantu Penerbitan. Bahagian ini turut dibantu juga oleh seorang Kerani Penerbitan yang ditugaskan untuk merekod dan mengawasi perjalanan dan perkembangan penerbitan. Di samping itu terdapat dua orang Pereka Grafik yang sememangnya diperlukan untuk penerbitan buku.

Unit ketiga dalam bahagian ini pula ialah Sidang Video/ICT. Seorang Penerbit Rancangan ditugaskan untuk bertanggungjawab ke atas urusan penerbitan bahan-bahan multimedia berupa rakaman-rakaman audio dan video, penyediaan dan pengemaskinian laman web dan mengendalikan kuliah-kuliah yang dibuat melalui sidang video. Selain daripada itu pegawai ini juga harus menyediakan bahan-bahan pembelajaran dalam bentuk rakaman yang diedit dan di salin dalam bentuk-bentuk cakera padat untuk diedarkan kepada pelajar mengikut kursus-kursus yang mereka ambil. Pegawai ini dibantu oleh dua orang juruteknik.

Henri Fayol (1841-1925), Bapa Pemikiran Pengurusan telah mengelaskan fungsi pengurusan kepada empat iaitu Perancangan, Pengarahan, Pengorganisasian dan Pengawalan. Keempat-empat fungsi ini ternyata diamalkan oleh bahagian ini dalam membuat perancangan terhadap setiap aktiviti penerbitan mereka.

Sebagai bahagian yang bertanggungjawab terhadap pengeluaran multimedia, perancangan yang kemas perlu dilakukan setiap Sidang Akademik. Ini adalah kerana aktiviti pengajian jarak jauh ini berjalan mengikut Sidang Akademik yang bermula sekitar bulan Mei dan berakhir pada bulan April tahun berikutnya. Oleh itu setiap aktiviti penerbitan harus bergerak mengikut tarikh-tarikh yang telah ditetapkan. Umpamanya setiap bulan Mei majlis Orientasi

pelajar-pelajar baru akan diadakan. Selaras dengan itu kesemua bahan-bahan pembelajaran seperti modul, buku, cakera padat dan pita video perlu disediakan untuk diedarkan semasa mereka berada di kampus USM bagi majlis berkenaan yang diadakan sekitar 3-4 hari. Edaran bahan untuk pelajar-pelajar lama pula akan diadakan pada bulan Oktober-November setiap tahun iaitu pada ketika semua pelajar berada di kampus USM bagi mengikuti Kursus Intensif selama dua-tiga minggu. Oleh itu bahagian ini harus memastikan bahawa kesemua bahan pembelajaran harus siap pada ketika itu untuk diedarkan.

Setiap tahun bahagian ini akan diberikan peruntukan antara RM500,000-RM700,000 untuk menguruskan penghasilan bahan seperti percetakan modul, penerbitan Siri Pendidikan Jarak Jauh dan penyediaan rakaman-rakaman kuliah dalam cakera padat. Timbalan Dekan akan memanggil mesyuarat pegawai-pegawai di bahagian ini untuk sama-sama berbincang tentang penghasilan produk untuk tahun berkenaan. Setiap ahli akan membawa cadangan-cadangan seperti jumlah buku yang sedang dalam proses penerbitan, judul baru yang akan diterbitkan, peralatan-peralatan tambahan yang diperlukan seperti kertas dan dakwat mesin pencetak dan sebagainya. Pada keseluruhannya peruntukan diagihkan kepada perkara-perkara berikut :

Belanja Pengurusan – bayaran gaji staf sambilan khususnya di bahagian perekaan dan sewaan peralatan seperti mesin-mesin fotostet, bayaran pembaikan mesin-mesin percetakan sekiranya

berlaku kerosakan dan bayaran pekerja-pekerja kontrak yang biasanya diambil ketika musim penghantaran bahan kepada pelajar.

Pembelian peralatan – kertas, alat-alat grafik, dakwat mesin pencetak, peralatan alat-alat tulis, kotak pembungkusan buku dan tali pengikat.

Peruntukan pembelian buku – sejumlah peruntukan membeli buku-buku Siri Pendidikan Jarak Jauh daripada Dewan Bahasa dan Pustaka dan Utusan Publications & Distributors. Setiap judul yang dibeli adalah mengikut jumlah pelajar yang mengambil kursus berkenaan.

Pegawai daripada unit sokongan, unit sidang video dan unit penerbitan akan mengemukakan perancangan masing-masing dan permasalahan-permasalahan yang perlu diberi perhatian untuk ditangani. Timbalan Dekan akan meneliti sumber-sumber yang ada oleh bahagian ini untuk memastikan bahawa segala perancangan akan berjalan dengan lancar.

Setelah meneliti struktur pentadbiran Bahagian Pengeluaran serta peranan yang dimainkan oleh bahagian ini, ternyata tanggungjawab yang diberikan kepada bahagian ini amat besar. Mereka harus memastikan kesemua bahan dapat disediakan mengikut waktu untuk memastikan kelancaran pengajian. Kelewatan pelajar menerima bahan pembelajaran adalah sesuatu yang sangat dielakkan kerana ia memberi kesan kepada pelajar itu sendiri.

Untuk memastikan kejayaan pelajar, bahagian ini akan terus memantapkan usaha daripada segala aspek pengurusan.

Untuk penerbitan buku pula, bahagian ini perlu menjalankan tugas pemantauan sebaiknya kerana penulisan buku oleh para pensyarah berada di pelbagai peringkat penulisan seperti di peringkat penulisan, penyemakan, penyuntingan, pengesahan dalam mesyuarat dan lain-lain lagi. Bahagian ini menjadualkan tarikh sesebuah buku perlu diterbitkan untuk kegunaan pelajar. Oleh itu pemantauan yang rapi agar semua pihak yang terlibat seperti, penulis, penilai, penyunting mahupun di pihak pentadbiran yang menguruskan mesyuarat-mesyuarat bulanan agar mematuhi tempoh sesuatu tugas itu diberikan amatlah diperlukan. Ada waktunya peringatan demi peringatan perlu juga dilakukan kerana semua telah sedia maklum masing-masing juga memikul tugas-tugas lain selain daripada penerbitan modul dan buku. Menentukan sasaran setiap tahun serta memastikan bahawa penerbitan buku dapat ditambah dari masa ke semasa menjadi agenda penting bahagian ini.